



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bil (1) dlm.PDTSPT/P/0003/07/JLNKG-2022

Tarikh : 28 Februari 2022

KENYATAAN SEBUTHARGA NO: PDTSPT/02/2022

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB dan PKK** dalam G1 – CE01 & CE21 (Bumiputera) / Kelas F dengan Tajuk :

**MEMBINA BAHARU DAN MENAIKTARAF JALAN KAMPUNG (FASA 1/2022) -
BINA BARU JALAN DI ATAS LOT 229, KAMPUNG SEKOLAH, DAERAH SPT**

2. Pendaftaran kontraktor akan dilaksanakan pada 7 Mac 2022 bermula jam 10.00 pagi sehingga 11.00 pagi sahaja. Selepas dari tarikh dan masa tersebut, pendaftaran akan terbatal. Kontraktor yang layak dan berminat untuk menyertai sebutharga ini diwajibkan mendaftar dahulu di <https://forms.gle/bb9s2DpaYmTcDxyM7>. Sebutharga akan mula dijual pada 8 Mac 2022.

3. Dokumen sebutharga boleh diperolehi di laman web <http://ep.penang.gov.my> melalui akaun e-perolehan masing-masing sebagai bukti pembelian dengan harga:-

i) Borang sebutharga : RM 10.00

4. Borang sebutharga hanya akan dijual kepada penyebutharga yang mendaftar sahaja. Penyebutharga yang gagal mematuhi syarat diatas tidak akan dibenarkan memasuki sebutharga.

5. Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam peti sebutharga di unit Pembangunan PDSPT selewat – lewatnya pada **15 Mac 2022 sebelum jam 12.00 tengahari**. Pertimbangan tidak akan diberikan kepada sebutharga yang lewat diterima.

6. Sebarang maklumat lanjut mengenai sebutharga ini boleh berhubung terus dengan Unit Pembangunan Daerah PDSPT. Pihak Pejabat Daerah tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

(KAMARUL HAIZAL BIN KODERAT)

Pegawai Daerah
Seberang Perai Tengah
BUKIT MERTA JAM

Penjanaan komputer tidak memerlukan tandatangan

